

Mengenai nama 'ota-ota' yang diberi kepada silat seni gayung berpedang itu, Encik Mahmud menerangkan bahawa nama tersebut adalah nama asalnya dari awa.

Encik Mahmud . . . pengurus Gayung Ota-ota Maras

Permainan

Kumpulan gayung ota-ota Maras ini sekarang mempunyai 20 orang pensilat tetap yang cukup mahir, samping ramai lagi yang sedang belajar.

Menurut pengurusnya lagi, kumpulannya selalu jemput menunjukkan permainan mereka di majlis-majlis kenduri kahwin dan lain-lain keramaian, dan juga pertunjukan pentas sampai di seluruh daerah negeri Trengganu. Pernah juga kumpulannya diundang bermain di Kuala Lumpur.

Encik Mahmud memberitahu telah 3 kali kumpulan gayung ota-otanya mempersembahkan permainan mereka di Pulau Redang untuk tontonan Sultan Trengganu sewaktu baginda berangkat melawat ke pulau tersebut.

Selanjutnya, Encik Mahmud menceritakan bahawa pernah beberapa tahun dahulu, seorang orang putih dan seorang Jepun datang menemui beliau menyiasat silat seni gayung ota-ota ini.

"Mereka juga meminta kami menunjukkan permainan kami, dan mereka ambil gambar bawa pulang," katanya.

Pelajaran

1 APR 1973

Guru silat seni gayung ota-ota Maras ialah Encik Mohamad bin Abdul Rahman, berumur 45 tahun. Beliau ialah abang kepada Encik Mahmud.

Beliau memberitahu bahawa syarat untuk masuk belajar bergayung ota-ota ini memerlukan seseorang yang menghadihkannya sedikit 'sirih pinang'.

Istiadat 'perlimau' diadakan setelah satu-satu kumpulan tamat pelajarannya. Untuk istiadat 'perlimau', ini, seseorang murid yang baru tamat diminta mengadakan sebuah 'nasi semangat' seorang untuk diadiahkan kepada lain-lain guru silat yang diundang has untuk menunjukkan permainan masing-masing dalam majlis perlimau itu.

Pensilat-pensilat baru itu juga diminta bergayung pada hari tersebut.

